

Kakitangan awam diarah tingkat kecekapan urusan dengan rakyat

PM mahu martabatkan pentadbiran kerajaan ke tahap terpuji

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan meningkatkan kecekapan operasi masing-masing dalam setiap urusan memabitkan rakyat.

Perdana Menteri berkata, keikhlasan pemimpin dan penjawat awam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan mampu membebaskan rakyat daripada penindasan, termasuk keterlanjuran dalam pentadbiran yang berlaku atau mungkin berlaku.

Katanya, cabaran ketika ini adalah mengangkat martabat pentadbiran negara ke tahap lebih tinggi dan terpuji.

"Cara untuk perkara itu dicapai sudah tersedia dalam al-Quran. Dalam konteks kupasan ulama silam, disebut bebaskan manusia daripada perhambaan.

"Kupasan ulama semasa mengaitkan dalam apa bentuk penindasan manusia itu dihambakan atau separa hamba.

"Bebaskan rakyat kita, warga kita dan manusia itu daripada segala bentuk penindasan, perbodohkan rakyat, ambil harta rakyat hingga hak mereka tersisih.

"Kalau dalam kerja kita, jabatan kita, negara kita, tidak boleh terlepas daripada keikhlasan kita untuk bebaskan (ra-

kyat)," katanya.

Beliau berkata demikian pada perjumpaan bulanan dengan warga Jabatan Perdana Menteri, di Dewan De' Seri Endon, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh beberapa bulan menerajui pentadbiran negara, beliau melihat ada kesungguhan dalam menangani isu seperti pekerja asing dan bencana banjir, selain kesungguhan rakan dalam pimpinannya serta penjawat awam, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan.

Tanpa menamakan agensi atau kementerian tertentu, Anwar mendedahkan, masih ada sedikit kecuaihan pada peringkat penguatkuasaan yang boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat jika tidak ditangani.

"Kalau berbaris berjam-jam untuk dapatkan lesen, bagi saya itu perlu diperbaiki. Saya selalu ambil contoh, apa kata kalau saya yang terpaksa berbaris di situ?"

"Ataupun, kalau dikata dalam kajian Perbendaharaan, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Khazanah, EPU (Unit Perancang Ekonomi) mengenai kadar kemiskinan yang menurun, miskin tegar, saya kata, apa kata kalau keluarga saya dalam kategori itu?"

"Kalau lihat dari segi itu baru maksud bebaskan manusia dari segala bentuk perhambaan, penyahinsanian (*dehumanisation*), merendahkan martabat manusia, baru kita boleh memberi makna pada MADANI," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengakui, pentadbiran yang diketuainya ketika ini mampu



Anwar beramah mesra bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada majlis perjumpaan bulanan di Dewan De' Seri Endon, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

bekerjasama dan mengetepikan pertelingkahan lalu demi mengangkat konsep Malaysia MADANI.

Beliau berkata, ia dapat dicapai

melalui kesatuan pemikiran semua anggota pentadbirannya, yang berkongsi tekad sama.

"Walaupun latar belakang pelbagai serta sejarah pertelingka-

han dan pergaduhan besar, terutama Timbalan Perdana Menteri di kanan saya, Alhamdulillah tidak boleh dinafikan kesatuan pemikiran dan tekad itu wujud.

"Kita bekerja sebagai satu pasukan dan mengangkat Malaysia MADANI," katanya.

Pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 19 November lalu, menyaksikan Anwar berjaya menjadi Perdana Menteri selepas Pakatan Harapan (PH) diketuainya berhasil membentuk gabungan dengan pelbagai parti politik, yang sebelum ini sering berbeza pandangan, khususnya UMNO.

Sementara itu, perjumpaan bulanan JPM, yang menghimpunkan kira-kira 300 penjawat awam pelbagai agensi di bawah JPM, semalam pertama kali diadakan dalam dewan sejak pentadbiran negara berpindah ke Putrajaya pada 1999.

5 penasihat khas Menteri Kewangan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, mengumumkan pelantikan Badan Penasihat Khas dianggotai lima individu bagi membantu menasihatinya selaku Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata, Badan Penasihat Khas yang berkhidmat tanpa sebarang bayaran daripada kerajaan itu diketuai Penasihat Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Turut berada dalam badan penasihat ialah Pengerusi Eksekutif FVSB, Datuk Ahmad Fuad Md Ali; Profesor Ekonomi Universiti Sunway, Profesor Dr Yeah Kim Leng; Profesor Ekonomi Universiti Malaya, Datuk Profesor Ulung Rajah Rasiah dan Pengerusi Sarawak Energy Berhad, Datuk Amar Abdul Hamed Sepawi.

Perdana Menteri berkata, badan penasihat khas ini terdiri daripada golongan profesional serta pakar ekonomi.

"Saya mengulangi pendirian bahawa badan penasihat khas yang dilantik ini tidak akan menerima sebarang bayaran daripada kerajaan," katanya.